

# **Terma & Syarat Undi Bersama Mamee London Roll**

## **Penganjur & Tempoh Undian**

1. UNDI BERSAMA MAMEE LONDON ROLL ("Undian") dibuka kepada semua kecuali kakitangan Media Prima Berhad ("Penganjur"), syarikat gabungan, anak syarikat, agensi pengiklanan/Perhubungan Awam dan pembekal Penganjur, serta anggota keluarga terdekat masing-masing.
2. UNDI BERSAMA MAMEE LONDON ROLL bermula dari 23/10/2020 dan berakhir pada 26/12/2020 ("Tempoh Undian"). Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Undian pada bila-bila masa dalam Tempoh Undian tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
3. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Penganjur tidak memberi hak kepada pengguna untuk membuat sebarang tuntutan atau menerima pampasan daripada Penganjur bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh peserta sama ada secara langsung dan/atau tidak langsung yang timbul daripada atau berhubung dengan pembatalan, penamatan atau penggantungan Peraduan oleh Penganjur.

## **Kriteria Kelayakan & Penghantaran Undian**

1. Setiap pembelian produk Mamee London Roll yang disenaraikan dalam Rangkaian Produk yang ditunjukkan dalam laman rasmi akan melayakkan anda untuk membuat undian secara pukal.
2. Setiap borang penyertaan yang dikemukakan mesti lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki, dan mesti disertakan dengan bukti pembelian (BP) iaitu *Order ID* melalui platform Shopee yang dikehendaki seperti yang ditunjukkan dalam borang online.
3. Setiap pengguna layak untuk menghantar lebih daripada 1 (satu) borang. Walau bagaimanapun, setiap penyertaan hanya boleh dikemukakan dengan 1 (satu) BP sahaja. Untuk setiap penghantaran BP layak yang diterima, nombor *Order ID* akan diperuntukkan menurut kepada BP yang disertakan.
4. Semua borang penyertaan yang dihantar adalah tertakluk kepada pengesahan Penganjur. Penganjur mempunyai hak mutlak untuk membatalkan secara automatik BP yang tidak lengkap dan borang penyertaan tanpa BP yang dikehendaki atau BP yang tidak mencukupi.
5. Penganjur, atas budi bicara mutlaknya, berhak untuk menolak, membatalkan atau menyingkirkan mana-mana undian pukal tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu kepada mana-mana pihak. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan sekiranya peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan.

## **Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010**

1. Notis bertulis ("Notis") ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak Media Prima Berhad ("MPB" atau "kami"). Tambahan lagi, dengan mengemukakan borang penghantaran Undi Bersama Mamee London Roll ini, anda dengan ini mengizinkan pemprosesan data peribadi anda oleh MPB dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi yang telah anda berikan kepada kami seperti nama, nombor kad pengenalan peribadi, nombor hubungan, alamat dan maklumat lain yang kami hendaki daripada anda dalam borang pengundian ini. MPB akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada MPB, untuk tujuan mengendalikan peraduan dan menghubungi anda (jika perlu).
2. Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi tersebut dikemas kini.

## **Hak Penganjur**

1. Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung undian, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan Undian adalah mutakhir, muktamad dan mengikat. Tiada mesej peribadi atau emel akan dilayan.
2. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya sebarang proses pembelian produk Mamee London Roll ralat semasa dan selepas tempoh undian online. Semua pengguna bersetuju secara tidak bersyarat untuk menanggung liabiliti penuh dan bertanggungjawab sepenuhnya setakat dibenarkan undang-undang sekiranya berlaku sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, ganti rugi dan tuntutan, yang dialami akibat daripada penyertaan mereka dalam Undian ini, penebusan dan atau penggunaan Undian.
3. Penganjur sama sekali tidak akan bertanggungjawab terhadap apa juga kesilapan percetakan yang tertera pada BP yang diberikan.
4. Dengan menyertai Undian ini, pengguna dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau menggugurkan mana-mana Terma & Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada peserta dan peserta hendaklah terikat kepada perubahan sedemikian.
5. Terma dan syarat ini akan diguna pakai sekiranya berlaku sebarang percanggahan, pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan.